

Nama : _____

Mari Buat Jus Manga

Semasa cuaca panas, kita akan mudah berasa dahaga. Mari kita belajar cara membuat jus manga yang sedap dan mudah. Bahan-bahan yang diperlukan ialah sebiji buah manga yang ranum, ais, air sejuk, susu pekat manis dan juga susu cair.

Langkah pertama ialah, potong dadu buah manga dan masukkan ke dalam mesin pengisar. Kemudian, masukkan secawan susu cair. Selepas itu, masukkan pula sesudu susu pekat manis bersama segelas air sejuk. Kisarkan bahan-bahan ini.

Hidangkan jus manga ke dalam gelas bersama ais. Jus manga telah siap untuk diminum. Selamat mencuba.

Lengkapkan carta alir ini. Pilih jawapan dan masukkan dalam petak mengikut turutan :-

